

UCAPAN PERASMIAN
YB MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
DIBACAKAN OLEH
YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

***SEMINAR CONSTRUCTION ON PEAT SOIL IN
MALAYSIA***

TARIKH: 6 MEI 2014 (SELASA)

MASA: 9.00 PAGI

RIVERSIDE MAJESTIC HOTEL,

KUCHING, SARAWAK

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

YBhg. Dato' Hj. Zainuddin Zakaria

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Kementerian Kerja Raya

YBhg. Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali

Pengerusi, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)

YBhg. Dato' Sri Prof. Dr. Judin Abdul karim

Ketua Eksekutif, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Hj. Annies Md. Ariff

Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya

YBhg. Dato' Hj. Ismail bin Md. Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Seterusnya Tan Sri-Tan Sri, Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya mengucapkan syukur kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita berkumpul dalam Majlis Perasmian *Seminar Construction on Peat Soil in Malaysia* pada pagi ini. Sukacita, sebelum saya mulakan ucapan, ingin saya sampaikan salam dan pohon maaf bagi pihak YB Menteri Kerja Raya yang tidak dapat bersama pada pagi ini kerana beliau ada komitmen lain.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Penganjuran *Seminar Construction on Peat Soil in Malaysia* oleh *Construction Research Institute of Malaysia (CREAM)* mengenai tanah gambut ini adalah amat tepat pada masanya. Bandaraya Kuching, Sarawak telah dipilih sebagai tempat untuk kita mengadakan seminar ini amatlah bersesuaian kerana saya telah difahamkan bahawa Sarawak merupakan sebuah negeri yang mempunyai taburan tanah gambut yang luas terutamanya di kawasan pesisiran pantai. Negeri Sarawak secara keseluruhannya merupakan negeri yang mempunyai kawasan tanah gambut yang terbesar iaitu kira-kira 16,500 km persegi yang menyumbang 15 peratus daripada keseluruhan keluasan negeri dengan 90 peratus daripadanya mempunyai kedalaman sehingga 30 meter. Kedudukan Sarawak dan fakta ini menjadikan *Seminar Construction on Peat Soil in Malaysia* ini adalah amat relevan dalam pembangunan dan penyelidikan CREAM.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Seperti mana semua sedia maklum, Kerajaan kini sedang giat melaksanakan Projek Jalan Pan Borneo di sepanjang 2,239 km yang melibatkan jajaran di negeri Sabah dan Sarawak. Projek yang dilaksanakan secara berfasa ini, adalah bertujuan untuk menyediakan rangkaian jalan raya bagi memangkin pertumbuhan ekonomi di Wilayah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE). Oleh demikian, salah satu cabaran besar yang perlu dihadapi dalam melaksanakan projek berskala besar ini adalah apabila sebahagian besar jajaran di kawasan Sarawak adalah diliputi kawasan bertanah gambut. Bagi pembangunan jalan raya di kawasan bertanah gambut ini, pasukan projek perlu membuat rawatan geoteknikal bagi

menstabilkan struktur tanah sebelum kerja-kerja pembinaan dapat dilaksanakan. Di samping itu, keadaan ini juga sudah pasti turut akan memberi cabaran kepada pihak berkuasa tempatan dalam merancang pembangunan projek-projek lain yang berkaitan untuk dibangunkan di sekitar kawasan tanah gambut.

4. Masalah ini bukanlah masalah baru yang diperkatakan, dan kini, telah tiba masanya untuk mengambil tindakan proaktif dalam mencari penyelesaian. Selaras dengan hasrat ini, saya telah difahamkan terdapat cadangan Penubuhan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Tanah Gambut (*Centre of Research Excellence*) di Kuching, Sarawak yang akan diurustadbir oleh CREAM untuk menjalankan kajian pembinaan di kawasan tanah gambut. Pusat Kecemerlangan seperti ini boleh dijadikan sebagai pusat rujukan setempat (*one stop centre*) bagi menyelesaikan dan membuat pengesyoran mengenai isu tanah gambut melalui kajian dan penyelidikan yang akan dijalankan oleh pihak berkenaan.

5. Di samping itu, saya juga difahamkan bahawa CREAM sebagai sebuah institusi penyelidikan di bawah CIDB Malaysia telah mengambil inisiatif penting untuk membangunkan satu garis panduan bagi pembangunan di kawasan tanah gambut di Malaysia. Penyediaan garis panduan ini melibatkan pakar geoteknikal, jurutera perunding, penyelidik dan industri pembinaan. Hasil garis panduan ini kelak akan dapat memberikan penentuan kawasan tanah gambut yang sesuai untuk pembangunan.

6. Dengan wujudnya garis panduan ini, saya yakin ianya akan dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada penggubal dasar, agensi kerajaan mahupun pemaju dan semua yang terlibat dalam industri pembinaan. Bagi tujuan tersebut, garis panduan ini perlu memenuhi keperluan teknikal dan ciri-ciri keselamatan dalam merancang sesuatu pembangunan di kawasan tanah gambut. Garis panduan ini turut dijangka akan memberikan panduan terbaik dengan

mengambil kira kos pembinaan yang efektif, kaedah rawatan yang optimum bagi tanah gambut. Selain itu, garis panduan ini boleh dijadikan rujukan khususnya untuk projek pembinaan menggunakan sistem pengezonan kawasan (*zoning area*).

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya percaya, penganjuran seminar ini merupakan platform yang penting bagi penggubal dasar, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, jurutera, pemaju, kontraktor pembinaan untuk mendapatkan satu kesepakatan dalam mencari formula terbaik untuk membangunkan projek pembinaan di kawasan tanah gambut. Saya dimaklumkan satu Bengkel Jawatankuasa Kerja bagi pembangunan Garis Panduan '*Construction on Peat Soil in Malaysia*' akan diadakan pada esok hari, di sini. Bengkel tersebut akan dihadiri oleh pakar-pakar geoteknikal, jurutera tempatan dan profesional untuk membincangkan secara terperinci mengenai pembangunan garis panduan tersebut. Saya percaya dengan keupayaan kepakaran profesional dan penyelidik tempatan kita, ianya akan dapat menghasilkan satu garis panduan yang komprehensif dan dapat membuat pengesyoran kepada penggubal polisi dan dasar di samping mendapat manfaat secara langsung kepada pemain industri pembinaan Negara.

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada CREAM bersempena sambutan ulang tahun 10 tahun penubuhannya tahun ini. Adalah menjadi harapan saya supaya CREAM dapat terus berkembang maju dan menjadi institut penyelidikan pembinaan yang terunggul bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa.

9. Maka, dengan lafaz mulia, BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM saya dengan ini merasmikan *Seminar Construction on Peat Soil in Malaysia* pada hari ini.

Sekian, terima kasih.